

12/08/2000

Remaja perlu lengkapkan diri dengan ilmu

LANGKAWI, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta generasi muda melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan tabah menghadapi pelbagai cabaran pada masa depan.

Perdana Menteri juga meminta golongan muda supaya membuat persediaan rapi dengan menimba ilmu dan kemahiran terlebih dulu sebelum melakukan sesuatu untuk memudahkan mereka menghadapi cabaran.

Sambil mengajak mereka mencontohi kejayaan pelayar solo negara, Datuk Azhar Mansor, yang disifatkan sebagai wira negara, Dr Mahathir mahu generasi muda bersedia untuk berjaya dalam hidup.

"Malaysia tidak mempunyai banyak hero yang dikenali selepas Hang Tuah, Mat Kilau dan lain-lain. Walaupun pencapaian ini agak gemilang tetapi belum ada seseorang di Malaysia yang boleh buat sesuatu yang luar biasa.

"Oleh itu, keberanian luar biasa yang ditunjukkan Azhar kerana sanggup keliling dunia seorang diri tanpa bantuan sesiapa amat dikagumi dan perlu dicontohi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan sambutan ulang tahun pertama pelayaran Cabaran Jalur Gemilang (JG) di Awana Porto Malai malam ini. Hadir sama, Azhar dan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Sempena sambutan itu, Dr Mahathir turut melancarkan laman web Cabaran Jalur Gemilang yang didedikasikan khas untuk generasi muda dan dokumentari sepanjang pelayaran Azhar.

Mengenai pelayaran Azhar, Perdana Menteri berkata, beliau sendiri pada mulanya agak ragu dengan kebolehannya ketika anak kelahiran Perlis itu memulakan pelayaran tahun lalu.

"Saya percaya dia tak mungkin keliling dunia. Sampai Sumatera, dia baliklah. Kalau saya, tak lepas Langkawi.

"Dia juga tanya saya bila tiang layarnya patah. Oleh kerana, bukan saya yang belayar, saya suruh teruslah," katanya dalam nada berseloroh.

Laman web mengenai Cabaran Jalur Gemilang yang dikemudi Azhar sehingga mencipta sejarah menjadi rakyat Malaysia pertama belayar mengelilingi dunia, boleh dilayari mulai malam ini.

Kisah pelayaran bersejarah negara yang diiktiraf Majlis Pencatat Kelajuan Pelayaran Sedunia (WSSRC) sebagai pelayar solo pertama mengelilingi dunia (berhenti-henti dan dibantu) mengikut laluan baru menghala Timur itu, boleh diikuti menerusi alamat www.2myportal.cc.

Alamat berkenaan diumumkan Perdana Menteri yang disiarkan secara langsung menerusi NTV7 sebagai memperingati kepulangan Jalur Gemilang, tepat jam 11.39 malam ini.

Kira-kira 400 orang turut berada di Awana Porto Malai, tempat bermula dan tamatnya pelayaran, sebagai mengingati kepulangan bersejarah Jalur Gemilang, sekali gus mencetuskan semangat patriotik kepada rakyat negara ini.

Pelayaran sejauh 21,600 batu nautika selama 190 hari itu mendapat perhatian pelbagai lapisan masyarakat apabila lebih 3,000 orang bertumpu di Awana Porto Malai untuk menyambut kepulangan Jalur Gemilang, tahun lalu.

Sempena sambutan ulang tahun itu, satu dokumentari khas selama 50 minit turut diterbitkan dengan mengisahkan detik mula Azhar memasang hasrat untuk belayar sehingga kesibukannya sekarang berkongsi pengalaman dengan generasi muda.

Paling menarik ialah petikan daripada lebih lapan jam filem yang

dirakamkan sendiri oleh Azhar ketika pelayaran. Ia turut menayangkan keadaan laut bergelora di Lautan Selatan dengan gelombang mencecah 20 meter.

(END)